

**TERMA RUJUKAN  
JAWATANKUASA EDITORIAL  
E-JURNAL INISIATIF KUALITI PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

**1. PENGENALAN**

Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi pengurusan penerbitan *Journal of Quality Improvement Initiatives* (PharmQIIs) daripada fasa penerimaan manuskrip sehingga penerbitan secara atas talian melalui platform *Malaysian Journal Management System* atau Sistem Pengurusan Jurnal Malaysia (MyJMS). Objektif penubuhan E-Jurnal Inisiatif Kualiti Program Perkhidmatan Farmasi ini adalah sebagai pemudah cara dalam penerbitan kajian/projek Inisiatif Penambahbaikan Kualiti (*Quality Improvement Initiatives* – QIIs) yang telah selesai dan menggalakkan budaya menulis di kalangan anggota farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia.

**2. KEANGGOTAAN**

- a. Ketua Editor (Timbalan Pengarah Cawangan Perkembangan Infrastruktur dan Kualiti Farmasi)
- b. Timbalan Ketua Editor
- c. Editor yang dilantik (editor umum, editor *proofread*)
- d. Pewasit (*reviewer*)
- e. Pengurus Jurnal

Tempoh keanggotaan jawatankuasa adalah **tiga (3) tahun**.

**3. MESYUARAT**

- a. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
- b. Tiada penggantian sekiranya ahli mesyuarat tidak hadir.

**4. AGENDA MESYUARAT**

- a. Perutusan ketua editor
- b. Pengesahan minit mesyuarat lepas
- c. Perbincangan maklum balas minit mesyuarat lepas
- d. Perancangan penerbitan bagi tahun semasa/tahun akan datang
- e. Pemutusan bilangan artikel yang lulus untuk penerbitan
- f. Hal-hal lain

## 5. TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA EDITORIAL E-JURNAL

### a. Ketua Editor

- i. Mempengerusikan mesyuarat JK Editorial e-Jurnal
- ii. Menyemak dan meluluskan polisi dan prosedur e-jurnal
- iii. Mencadangkan pelantikan editor yang bersesuaian untuk penerbitan jurnal
- iv. Meluluskan pelantikan pewasit (*reviewer*) yang bersesuaian seperti pewasit jemputan dan *external reviewer*.
- v. Membuat penilaian kepada pewasit selepas proses ulasan
- vi. Meluluskan tema utama atau kriteria manuskrip yang bersesuaian bagi setiap edisi.
- vii. Meluluskan penerbitan yang dirancang

### b. Timbalan Ketua Editor

- i. Menetapkan polisi dan prosedur e-jurnal
- ii. Mencadangkan pelantikan editor yang bersesuaian untuk penerbitan jurnal
- iii. Mencadangkan pelantikan pewasit (*reviewer*) yang bersesuaian seperti pewasit jemputan dan *external reviewer*
- iv. Menjalankan saringan awal terhadap manuskrip-manuskrip yang telah diterima
- v. Mengagihkan manuskrip-manuskrip yang diterima kepada editor
- vi. Menyusun atur dan menetapkan format manuskrip yang akan diterbitkan
- vii. Membuat penilaian kepada pewasit (*reviewer*) selepas proses ulasan
- viii. Menetapkan tema utama atau kriteria manuskrip yang bersesuaian bagi setiap edisi.
- ix. Memantau keseluruhan proses penerbitan

### c. Editor

#### • Editor Umum

- i. Memastikan penulisan manuskrip diterima mengikut garis panduan dan format penulisan yang ditetapkan.
- ii. Menjalankan saringan awal kandungan manuskrip yang diterima
- iii. Mengagihkan manuskrip-manuskrip yang diterima kepada pewasit-pewasit mengikut kategori QILs yang bersesuaian.
- iv. Memastikan bahawa pewasit menyemak dan mengulas manuskrip-manuskrip yang diterima dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- v. Memastikan bahawa penulis (*author*) mengemas kini manuskrip masing-masing berdasarkan cadangan dan ulasan pewasit.
- vi. Memastikan bahawa penulis menyerah semula manuskrip yang telah diperbetulkan kepada pihak sekretariat dalam tempoh masa yang ditetapkan.

- vii. Memastikan sekurang-kurangnya **tiga (3)** manuskrip disusuli (*follow through*) sehingga penerbitan. Namun begitu, bilangan manuskrip untuk diterbitkan masih bergantung kepada ketersediaan manuskrip berdasarkan kriteria kualiti penerbitan yang ditetapkan.
- *Proofread* editor
    - i. Menyunting manuskrip dari segi tatabahasa dan penggunaan ayat. Namun begitu, penulisan masih tertakluk kepada isi kandungan manuskrip.
    - ii. Menjalankan semakan akhir (*proof-reading*) ke atas draf manuskrip sebelum dihantar untuk penerbitan
    - iii. Memastikan sekurang-kurangnya **tiga (3)** manuskrip disemak sebelum penerbitan. Namun begitu, bilangan manuskrip untuk diterbitkan masih bergantung kepada ketersediaan manuskrip berdasarkan kriteria kualiti penerbitan yang ditetapkan.
- d. Pewasit (*Reviewer*)
- i. Memberi komitmen untuk mengulas apabila menerima manuskrip daripada Editor
  - ii. Melaksanakan kaedah *peer review* bagi memastikan piawaian saintifik yang ditetapkan dipatuhi
  - iii. Mengenalpasti kebarangkalian untuk *ethical breach* seperti isu *plagiarism*, penipuan dalam data (*fraud*) dan sebagainya
  - iv. Menghantar laporan ulasan melalui laman sesawang jurnal (MyJMS) serta muat naik dokumen berkaitan untuk rujukan editor dan penulis (*author*) dalam tempoh masa yang ditetapkan
  - v. Memastikan sekurang-kurangnya **satu (1)** manuskrip disemak dan disusuli (*follow through*) sehingga penerbitan. Namun begitu, bilangan manuskrip bagi setiap pewasit (*reviewer*) masih bergantung kepada bilangan yang diterima oleh jawatankuasa editorial.
- e. Pengurus jurnal
- i. Menguruskan laman sesawang jurnal, tetapan (*features*) jurnal dan akaun pengguna
  - ii. Memastikan polisi dan prosedur e-jurnal dilaksanakan seperti ditetapkan
  - iii. Menetapkan fungsi editor, penulis, dan pewasit (*reviewer*) mengikut lantikan Ketua Editor dan Timbalan Ketua Editor menggunakan platform MyJMS
  - iv. Menguruskan hal-hal berkaitan fungsi laman sesawang

Kemas kini : Mei 2024

**CARTA ALIR PENERBITAN**  
**JOURNAL OF PHARMACY QUALITY IMPROVEMENT INITIATIVES**  
**E-JURNAL INISIATIF KUALITI PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI**

